



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN RASMI MAJLIS PECAH TANAH TEMPAT LETAK KERETA BERTINGKAT PPR BERINGIN

**KUALA LUMPUR, 18 Mac** – YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan merasmikan majlis pecah tanah tempat letak kereta bertingkat Projek Perumahan Rakyat (PPR) Beringin, Jinjang Utara Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur hari ini.

Tempat letak kereta enam (6) tingkat ini dibina di atas tanah seluas 11.130 meter persegi, merangkumi pembinaan sebanyak 277 unit parkir. Tempat letak kereta bertingkat ini turut dilengkapi dengan sebuah perpustakaan dan kedai serbaneka dengan anggaran kos keseluruhan sebanyak RM14 hingga RM15 juta.

Inisiatif diambil oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) bagi mewujudkan prasarana baru kepada rakyat di Parlimen Batu. Lokasinya yang strategik juga dapat mengurangkan masalah tempat letak kenderaan yang kerap berlaku di PPR Beringin ini.

Satu lagi projek pembinaan tempat letak kereta bertingkat di Parlimen Batu ini adalah di PPR Intan Baiduri. Projek tempat letak kereta sebanyak 8 tingkat dengan kos RM30.03 juta ini, telah siap sepenuhnya dengan kapasiti 387 petak parkir. Ianya turut dilengkapi kemudahan seperti dua (2) unit gelanggang futsal dan satu (1) unit kedai serbaneka.

Kerajaan berharap agar inisiatif-inisiatif yang diambil ini dapat menyelesaikan masalah parkir kereta yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di sini. Diharapkan juga agar mereka terus memberi sokongan di dalam usaha Kerajaan memberikan pembangunan yang terbaik bagi mensejahterakan kehidupan rakyat khususnya di Parlimen Batu.

**Disediakan Oleh:**

**Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Wilayah Persekutuan  
Kuala Lumpur  
18 Mac 2018**